

CABARAN ‘OLD TIMER’ MENGAJAR SECARA ATAS TALIAN

Noor ‘Aina Abdul Razak
nooraina@uitm.edu.my

Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM),
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Malaysia

ABSTRAK

Apabila kerajaan Malaysia mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan mulai 18 Mac 2020, tahap kerisauan sudah mula menjelma. Bukan kerisauan tentang PKP itu sendiri. Ia lebih kepada kerisauan seorang ‘old timer’ yang pasti menjangkakan proses pengajaran dan pembelajaran (PnP) secara atas talian perlu dilaksanakan. Pelbagai kaedah yang ada cuba dicari dan dipelajari. Apa yang pasti, biarlah kaedah itu boleh difahami dan memudahkan kedua-dua pihak – pensyarah dan pelajar. Kesesuaian penyampaian juga perlu diambil kira memandangkan sistem atas talian ini mempunyai kekangan tersendiri terutama daripada aspek capaian internet.

Kata kunci: ‘old timer’, PKP, PnP, atas talian, internet

Pengenalan


Awal tahun 2020, seluruh dunia digemparkan dengan munculnya satu pandemik baru iaitu koronavirus sindrom pernafasan akut teruk (SARS-CoV-2) atau lebih dikenali sebagai COVID-19. Ianya mula dikesan di wilayah Wuhan, China pada Disember 2019. Kesan daripada COVID-19 ini boleh membawa kepada kematian akibat gangguan kepada sistem pernafasan. Satu dunia mula diserang ketakutan kerana ia mudah merebak daripada manusia kepada manusia (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).

Pada 16 Mac 2020, apabila Perdana Menteri Malaysia mengisytiharkan PKP dilaksanakan mulai 18 Mac hingga 31 Mac 2020 (Pejabat Perdana Menteri, 2020), seluruh Malaysia seakan berada dalam kebingungan. Bermacam persoalan yang timbul ketika ini. Bagaimana dengan kerja, persekolahan, perniagaan dan lain-lain lagi? Salah satu bidang yang pasti menjadi topik perbualan ialah bidang pendidikan daripada tadika hinggalah ke peringkat universiti. Apabila PKP dilaksanakan, bermakna tidak ada lagi proses PnP secara bersemuka. Buat seorang ‘old timer’, ini memang menjadi kerisauan utama.

Cabaran-cabaran yang dihadapi

Kerisauan utama di dalam menghadapi PKP yang dilaksanakan ialah bagaimana hendak menjalankan PnP secara pembelajaran terbuka dan secara jarak jauh atau lebih dikenali sebagai Online Distance Learning (ODL). Selama ini kita sudah dibiasakan dengan PnP secara bersemuka. Pelajar datang ke kelas dan pensyarah mengajar di hadapan. Sebarang soalan berkaitan boleh ditanya secara terus atau pun datang ke pejabat untuk mendapat penjelasan lanjut. Apabila PKP diumumkan, secara automatik kaedah PnP bertukar menjadi sesuatu yang baru. Kaedah yang sesuai perlu digunakan supaya kedua-dua pihak mendapat manfaat. Maka, bermulalah siri mencari dan menggeledah ilmu-ilmu ODL yang wujud di ruang siber. Youtube, laman web, webinar dan pelbagai medium lagi menjadi rujukan.

Di antara cabaran utama ialah bagaimana hendak menyampaikan kuliah kepada para pelajar yang tidak berada di depan mata. Buat seorang 'old timer', perkara yang mudah menjadi pilihan utama. Tambahan pula, kuliah perlu diteruskan semasa PKP bermula. Maka, kaedah paling mudah dan cepat ialah dengan merekodkan suara sambil mengajar. Hanya memerlukan kertas, pen, kamera telefon bimbit dan sudah pasti suara pensyarah itu sendiri. Permulaan pengajaran, kertas A4 ditampal di dinding.



Rajah 1: Contoh rakaman pertama menggunakan telefon bimbit.

Sambil menulis, sebelah tangan lagi merakam. Walaupun ia nampak kelakar bagi sesetengah orang, kaedah ini paling cepat. Video dimuat naik ke 'google drive' dan pautan dihantar kepada para pelajar melalui aplikasi WhatsApp (WA).

Bila disebut mengenai WA, ini juga merupakan satu cabaran. Medium mana yang terbaik untuk menyampaikan maklumat? Memandangkan para pelajar terdiri daripada pelbagai latar belakang, perkara ini juga perlu diambil kira. Ada di antara mereka yang mempunyai capaian internet yang sangat lambat, malah ada yang sukar mendapat internet di kampung atau di mana mereka berada. Jika ada, talian mungkin juga terputus-putus. Oleh itu, ramai para pelajar memilih untuk menerima maklumat melalui WA.

Cabaran seterusnya sudah pasti suasana PnP itu sendiri. Apabila PKP dilaksanakan, bermakna kebanyakan masa sememangnya di rumah. Cabaran ketika merekodkan video yang dinyatakan ialah gangguan yang wujud di persekitaran semasa. Di antaranya ialah suara anak-anak (bagi yang mempunyai keluarga) dan juga faktor cuaca seperti bunyi guruh dan hujan lebat. Selain daripada itu, terlupa menekan butang 'on' ketika memulakan rakaman juga merupakan salah satu gangguan yang berlaku. Kesemua ini menyebabkan rakaman perlu dibuat berulang kali.

Sedikit demi sedikit kemajuan dalam ODL dicari dan digunapakai. Apabila kaedah melekatkan kertas di dinding menjadi agak sukar kerana video mungkin bergoyang, satu inovasi dijumpai.



Rajah 2: Kotak dilubangkan pada tanda anak panah (Western Cape Education Department, 2020)

Kaedah menggunakan kotak yang dilubangkan untuk kamera telefon bimbit dicuba. Didapati kaedah ini lebih mudah untuk merakam video syarahan kerana tidak perlu memegang telefon bimbit. Ia menjadi pilihan seterusnya untuk digunapakai buat sementara waktu. Namun begitu, gangguan persikataran masih tidak dapat dielakkan. Jadi, inisiatif seterusnya untuk penambaan perlu dibuat.


Demi pelajar-pelajar yang dahagakan ilmu, pensyarah tidak boleh kedekut dengan wang. Pelaburan yang berbaloi demi kesinambungan penyampaian ilmu perlu dibuat. Maka, pesanan untuk sebuah 'writing pad' dibuat dalam tempoh PKP walaupun ia mengambil masa dua minggu untuk tiba.



Rajah 3: Contoh 'writing pad' (Gambar ihsan Google)

Penggunaan 'writing pad' ini sangat membantu dalam proses penyampaian PnP. Malahan, setiap pengajaran boleh direkodkan terus dan dikongsi bersama para pelajar. Apabila tiba masa untuk menanda ujian ataupun penilaian pelajar, ia menjadi sangat mudah dan cepat.

Namun begitu, penandaan penilaian pelajar di skrin juga agak mencabar. Ini kerana mata tertumpu sepenuh masa pada kertas jawapan pelajar. Mata boleh menjadi letih dan berair jika terlalu lama mengadap skrin. Tempoh masa yang diambil juga mungkin lebih lama berbanding penandaan kertas secara fizikal. Selain itu, mukasurat jawapan yang dihantar ada yang menegak dan melintang di dalam satu fail juga mengganggu kosentrasi ketika menanda.



Rajah 4: Contoh kertas jawapan pelajar yang perlu disemak.

Di samping itu, penggunaan aplikasi ‘Google Meet’ untuk penyampaian PnP secara langsung juga dilaksanakan mengikut kesesuaian. Ini bergantung kepada kelajuan internet pada masa penggunaan tersebut. Talian yang sering putus-putus menyukarkan para pelajar untuk mengikuti kelas secara langsung. Pilihan terbaik, masih perlu menyediakan rakaman video untuk dihantar melalui WA.

Kesimpulan

Secara umumnya, apa pun cabaran yang dihadapi oleh seseorang pensyarah terutama ‘old timer’, jangan sesekali mengalah. Penyampaian ilmu perlu diteruskan dalam apa jua keadaan bagi memastikan para pelajar tidak ketinggalan. Musim PKP banyak mengajar kita untuk keluar dari ruang lingkup yang biasa dilalui. Teruskan usaha untuk memperbaiki kaedah penyampaian PnP supaya menjadi lebih baik daripada sebelumnya.

Rujukan:

Kementerian Kesihatan Malaysia (2020). *Soalan Lazim Penyakit Coronavirus (Covid-19)*. Dicapai <http://www.myhealth.gov.my/wp-content/uploads/FAQ-COVID-19.pdf>.

Pejabat Perdana Menteri (2020). *Perutusan Khas COVID-19 (18 Mac 2020) – Stay at home*. Dicapai <https://www.pmo.gov.my/2020/03/perutusan-khas-covid-19-18-mac-2020/>

Western Cape Education Department (2020). *Teachers get inventive to enable remote learning*. Dicapai <https://wcedonline.westerncape.gov.za/news/teachers-get-inventive-enable-remote-learning>